



SOHBAH OLEH HADRAT SHEIKH MUHAMMAD MEHMET ADIL AL- HAQQANI

UCAPAN DARI SULTAN SHEIKH MEHMET AN NAQSYABANDI
AR RABBANI BERKENAAN PERLANTIKAN DONALD TRUMP SEBAGAI
PRESIDENT AMERIKA

Asalamun alaikum wa rahmatullah wa barakatuh

Ya ayyuhal muminun, Wahai mu'minin, Hari ini ramai orang lupa akan kepercayaan mereka. Bila anda lupa kepercayaan anda, anda akan menjadi takut. Dunia ini ada Pencipta nya. Hanya satu pencinta yang Esa dan Dia adalah Allah ﷻ. Dialah Pencipta dan dia menghantar seorang dan meletak seorang di mana dan pada masa yang dia kehendaki. Pada masa kini, ramai orang menjadi takut, sedih dan gelisah kecemasan kerana seorang makhluk Allah menjadi President. Apa itu 'nikmata'. Jika anda seorang mu'min anda mesti ketahui, bahawa anda tidak harus jadi khuathir. Jika anda di landa dengan berperangan anda jangan takut dan gementar. Sekarang hanya seorang sahaja yang di lantik semua orang gementar. Apa dah jadi? Mana kepercayaan yang kukuh kita. Menurut Firman Allah dalam Surah Al-Baqara

وَعَسَىٰ أَنْ تَكْرَهُوا شَيْئًا وَهُوَ خَيْرٌ لَّكُمْ وَعَسَىٰ أَنْ تُحِبُّوا شَيْئًا وَهُوَ شَرٌّ لَّكُمْ وَاللَّهُ يَعْلَمُ وَأَنْتُمْ لَا تَعْلَمُونَ (٢١٦)

Boleh jadi kamu benci kepada sesuatu padahal ia baik bagi kamu dan boleh jadi kamu suka kepada sesuatu padahal ia buruk bagi kamu. Dan (ingatlah), Allah jualah Yang mengetahui (semuanya itu), sedang kamu tidak mengetahuinya. (216)

Ini inilah hakikat nya. Peristiwa Hussen telah memberi pengajaran pada kita. Dahulu orang sanjung Dia, kerana Dia seorang berketurunan Muslim, tetapi pada saat saat terakhir Dia membawa musibah ke timur negara. Berjuta nyawa terkorban. Sekarang orang takut ada seorang yang anti Islam telah di lantik. Jangan takut dengan kedatangannya, tetapi takut HANYA kepada Allah ﷻ. Dia Allah adalah Pencipta kita dan Dia akan melindungi dan selamatkan kita dari kejahatan dan ancaman orang. Letaklah kepercayaan anda hanya kepada Allah ﷻ. Dia hanya seorang hamba Allah seperti anda. Dia tidak mempunyai sepuluh kaki, dia ada dua pasang kaki seperti anda. Dan apa yang dia akan buat tertakluk kepada kehendak Allah ﷻ. Allah Maha Bijaksana. Kita harus gembira dengan pemberian Allah. Jangan takut dengan sesiapa pun. Inilah hakikat yang seorang mu'min mesti berpegang teguh dengan keberanian. Rasulullah ﷺ bersabda dengan



SOHBAH OLEH
HADRAT SHEIKH MUHAMMAD MEHMET ADIL AL- HAQQANI

maksud nya, “jika anda tidak takut pada Allah maka anda akan takut dengan semua perkara. Jika anda takut dengan Allah maka anda tidak takut dengan semua perkara.”

Inilah ucapan yang ringkas

Asalamun alaikum wa rahmatullah wa barakatuh

SULTAN SHEIKH MEHMET
AN NAQSYABANDI AR RABBANI

<http://hakkani.org/trumpun-baskan-secilmes-i-ingilizce-09-kasim-2016/>